AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 772.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 4,174.00 ITEM ID: MY0071453720



08 OCT, 2026

60 pesakit jalani pembedahan katarak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

60 pesakit jalani pembedahan katarak

Pesakit datangnya dari sekitar daerah Tenom, Tambunan, Nabawan dan Pensiangan

KENINGAU: Seramai 60 pesakit di pedalaman Sabah menjalani pembedahan katarak sempena Program Surgical Initiative for Avoidable Blindness Reduction (SINAR4U) Karnival Pembedahan Katarak Hospital Keningau 2026, baru-baru ini.

Pesakit berkenaan datangnya dari sekitar daerah Tenom, Tambunan, Nabawan dan Pensiangan.

Program pembedahan tiga hari itu dijalankan di Dewan Bedah Hospital Keningau.

Ia dianjurkan oleh Jabatan Oftalmologi Hospital Keningau dengan kerjasama College of Ophthalmologist, Academy of Medicine of Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengerusi penganjur, Dr Mohd Fariz Mohd Ali, berkata program bertujuan melakukan pembedahan katarak dalam skala besar melibatkan 60 pesakit, bagi mengurangkan kadar prevalens kebutaan di pedalaman Sabah.

Jelasnya, program tersebut melibatkan sembilan Pakar Bedah Oftalmologi yang diketuai oleh beliau sendiri dengan dibantu pakar bedah dari Hospital Queen Elizabeth 1, Hospital Wanita & Kanak-Kanak Likas (HWKKS), Hospital Labuan, USM dam UMS.

Menurutnya, program SINAR4U merupakan projek intervensi rawatan mata yang merupakan kesinambungan daripada program EYECARE4U, iaitu projek inisiatif inovasi sosial dari Hospital Keningau dengan vmenggunakan konsep saringan kesihatan mata melalui outreach yang melibatkan kerjasama rentas di antara pelbagai pihak dan ketua komuniti setempat.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Oftalmologi Hospital Keningau berkata projek ini menggunakan konsep S-screening I-identify N-navigate A-asses R-restore dan merupakan projek Pembedahan Katarak terbesar di pedalaman Sabah.

Katanya, melalui EYECARE4U, individu yang dikenal pasti mengalami masalah katarak dirujuk ke Hospital Keningau untuk mendapatkan penilaian dan rawatan selanjutnya.

"Bagi pesakit yang perlu menjalani pembedahan katarak, mereka akan dimasukkan ke Program SINAR4U ini," katanya, sambil menyatakan bahawa Negeri Sabah mencatatkan prevalens kebutaan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 0.9% berdasarkan Tinjauan Mata Kebangsaan Ke-4 Tahun 2025.

Maka melalui Program SINAR4U ini, beliau berharap kesinambungan rantaian penjagaan mata dapat menurunkan prevalens kebutaan di Sabah.

Dr Mohd Fariz berkata, impak kepada pesakit katarak mungkin kelihatan seperti masalah kesihatan yang biasa, namun bagi seseorang pesakit, kehilangan penglihatan akibat katarak boleh menyebabkan mereka hilang keupayaan untuk bekerja, bergerak secara bebas, menguruskan diri sendiri dan menjalani kehidupan seperti biasa.

"Diharap kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi sebegini dapat mengurangkan beban kebutaan yang boleh dielakkan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat," tambahnya.

Pameran Braille turut diadakan dengan naskhah al-Quran Braille, Iqra' Braille dan peralatan bantuan Braille dipamerkan ketika Majlis Perasmian Program SINAR4U.

Majlis turut diserikan dengan bacaan al-Quran Braille oleh Ustaz Rosman Suni, tenaga pengajar Kelas Sahabat al-Quran Braille (SAQB) Keningau.

Program SINAR4U dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Ahmad Rizal Adnan.

Turut hadir pada program tersebut Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (Perubatan) Dr Ridwan bin Hashim, Dr Zalifa Zakiah binti Asnir (Ketua Kepakaran Oftalmologi Kementerian Kesihatan Malaysia), Dr Zairah bt Zainal Abidin (Timbalan Ketua Kepakaran Oftalmologi Kementerian Kesihatan Malaysia), Dr Chiang Wai Seng (Ketua Kepakaran Oftalmologi Negeri Sabah), Prof Dr Hajah Shatriah Ismail (President College of Ophthalmologist, Academy of Medicine Malaysia (COAMM), Dr Aziz Husni (Timbalan College of Ophthalmologist, Academy of Medicine Malaysia (COAMM), Prof Madya Dr Malehah Datuk Mohd Noh (Pengarah Hospital Universiti Malaysia Sabah), Dr Henry Ngoo Qi Zhe (mewakili Hospital Universiti Sains Malaysia) dan Prof Dr Shuaibah Abdul Ghani (Universiti Malaya)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 772.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 4,174.00 ITEM ID: MY0071453720



08 OCT, 2026

60 pesakit jalani pembedahan katarak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



BEDAH: Dr Mohd Fariz sedang melakukan pembedahan katarak.



KOMITED: Pasukan pakar bedah dan paramedik bersama salah seorang daripada pesakit yang baharu dibedah.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 772.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 4,174.00 ITEM ID: MY0071453720



08 OCT, 2026

60 pesakit jalani pembedahan katarak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

dahan katarak



RASMI: (Dari kanan) Dr Mohd Fariz bersama pakar perubatan lain sempena perasmian program itu.



TINJAU: Pameran peralatan Braille oleh Kelas Sahabat Al Quran (SAQB) Keningau.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 772.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 4,174.00 ITEM ID: MY0071453720



08 OCT, 2026

60 pesakit jalani pembedahan katarak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

Pesakit datangnya dari sekitar daerah Tenom, Tambunan, Nabawan dan Pensiangan
KENINGAU: Seramai 60 pesakit di pedalaman Sabah menjalani pembe dahan katarak sempena Program Surgical Initia tive for Avoidable Blindness Reduction (SINAR4U) Karnival Pembedahan Katarak Hospital Keningau 2026, baru-baru ini. Pesakit berkenaan datangn ya dari sekitar daerah Tenom, Tambunan, Nabawan dan Pensiangan. Program pembedahan tiga hari itu dijalankan di Dewan Bedah Hospital Keningau.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.